



**PERIBAHASA METAFORA HAIWAN
DALAM SILANG BUDAYA
MELAYU DAN UZBEK**

AZIM YULDASHEV



**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH (PENDIDIKAN BAHASA MELAYU)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2019





Sila Taipkan (✓):

Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan Dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada ____ (hari bulan) ____ (bulan) 2019.

i. Perakuan pelajar :

Saya, **AZIM YULDASHEV, P20141001053, FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI** dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **PERIBAHASA METAFORA HAIWAN DALAM SILANG BUDAYA MELAYU DAN UZBEK** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejalannya dan secukupnya



Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **PM DR. ARIFF BIN MUHAMAD** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **PERIBAHASA METAFORA HAIWAN DALAM SILANG BUDAYA MELAYU DAN UZBEK** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi "[/sepenuhnya PHD]" syarat untuk memperoleh Ijazah **DOKTOR FALSAFAH (PENDIDIKAN BAHASA MELAYU)**.

Tarikh

Tandatangan Penyelia





PENGHARGAAN

Saya sangat bersyukur ke hadrat Allah yang Maha Besar, Maha Mengasihani dan Maha Penyayang kerana dengan limpah kurnia-Nya, maka saya diberikan kudrat dan kesihatan untuk menggenggam segulung ijazah kedoktoran yang sangat bernilai dalam hidup saya di dunia ini. Sekalung budi dan sejuta penghargaan yang tidak terhingga saya dedikasikan kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama, motivasi dan perangsang kepada saya untuk menyiapkan kajian peringkat kedoktoran ini walaupun begitu banyak onak, duri dan ranjau yang sentiasa menghalang. Kekentalan hati, jiwa dan perasaan ini didorong kuat oleh semua ahli keluarga, khususnya ayahanda dan bonda tercinta Abdurahmon Yuldashev dan Tojihon Yuldasheva. Tidak dilupakan juga untuk isteri, Mahzuna Yuldasheva dan anak-anak yang sentiasa berada di samping saya serta adik-beradik yang sentiasa memberi sokongan dari segi kewangan dan doa. Saya juga tidak pernah melupakan jasa semua penyelia saya sepanjang menghabiskan pengajian di UPSI iaitu Dr. Ariff Mohamad dan Prof. Mahzan bin Arshad. Mereka sentiasa memberikan motivasi dan menyuntikkan semangat juang yang tinggi bagi mencapai bintang di langit walau kadang dirasakan tangan saya tidak cukup panjang untuk mencapainya.

Terima kasih Fakulti Bahasa dan Komunikasi, UPSI yang sentiasa prihatin atas permasalahan pelajar sepenuh masa seperti saya. Terima kasih Institut Pengajian Siswazah, UPSI yang cukup membantu dalam aspek pengurusan, pentadbiran dan teknikal selama tiga tahun pengajian. Terima kasih semua kakitangan Perpustakaan Tuanku Bainun, UPSI yang sentiasa sudi 'melayan' karenah semua pelajar tanpa batasan usia dan keperluan. Akhir sekali, terima kasih kepada semua sahabat seperjuangan dan individu yang sentiasa berlapang dada membantu dan memudahkan saya sepanjang pendakian yang getir ini sehingga ke kemuncaknya. Hanya Allah yang akan membalas budi baik kalian yang mulia ini.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan membandingkan peribahasa yang mengandungi metafora haiwan dalam bahasa Melayu dan bahasa Uzbek. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan reka bentuk analisis teks. Sebanyak 26 peribahasa dalam bahasa Melayu dan 26 peribahasa dalam bahasa Uzbek telah digunakan sebagai sampel kajian ini. Peribahasa tersebut diambil daripada peribahasa yang melibatkan lima jenis haiwan iaitu anjing, ayam, ular, kambing dan ikan. Lima haiwan ini dipilih kerana kelima – limanya banyak digunakan dalam peribahasa bahasa Melayu dan bahasa Uzbek. Lima haiwan ini adalah antara haiwan yang biasa dijumpai di Malaysia dan Uzbekistan. Haiwan lain yang terdapat dalam peribahasa kedua – dua bahasa agak kurang popular dan tidak dapat dibuat perbandingan dalam kajian ini. Teori metafora konseptual telah digunakan untuk menganalisis data dalam kajian ini. Data dianalisis berdasarkan unsur silang budaya antara bahasa Melayu dan bahasa Uzbek. Kajian ini mendapati terdapat perbezaan dalam perkonsepsian metafora haiwan dalam peribahasa Melayu dan Uzbek kerana latar belakang budaya yang berbeza. Namun dalam perkonsepsian metafora yang menentukan keagamaan terdapat persamaan dalam pandangan terhadap haiwan yang digunakan dalam kedua-dua kelompok peribahasa Melayu dan Uzbek. Kesimpulannya, kajian perbandingan dalam metafora Melayu dan Uzbek memperlihatkan kepelbagaian dalam penggunaan unsur haiwan dalam peribahasa kedua-dua bahasa ini. Implikasinya, satu model kajian perbandingan bagi mengkaji metafora konseptual antara pelbagai bahasa telah dihasilkan dan dapat dijadikan panduan untuk kajian masa akan datang.





PROVERBS OF ANIMAL METAPHORS IN MALAY AND UZBEK CROSS CULTURES

ABSTRACT

This study aims to compare proverbs containing animal metaphors in Malay language and Uzbeks language. This study uses qualitative method with text analysis design. A total of 26 proverbs in Malay language and 26 proverbs in Uzbek language have been used as sample of the study. The proverbs are taken from proverbs which involve five kinds of animals namely dogs, chickens, snakes, goats and fish. Those five animals were chosen because they were mentioned in both Malay and Uzbek language proverbs. They are very common in Malaysia and Uzbeksitan. Other animals can not be used in the proverbs because they are not popular enough to be compared to in this study. Conceptual metaphorical theories have been used to analyze data in this study. Data were analyzed based on cross-cultural elements between Malay language and Uzbek language. This study found that there are differences in the concept of animal metaphor in Malay and Uzbek proverbs because of different cultural backgrounds. But in the conceptual metaphor of religious decrees there are similarities in view of the animal being used both groups of Malay proverbs and Uzbek proverbs. In conclusion, comparative studies in the Malay and Uzbek metaphors show diversity in the use of animal elements in the proverbs of these two languages. The implication, a comparative study model for studying the conceptual metaphor for various languages have been produced and can be used as a guide for future studies.



KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xv
SENARAI RAJAH	xvii

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	4
1.3	Permasalahan Kajian	12
1.3.1	Kajian Metafora Tradisional	13
1.3.2	Kajian Metafora Kompleks	13
1.3.3	Kajian Metafora Khusus	15
1.3.4	Kajian Metafora Tidak Khusus	17
1.3.5	Kajian Metafora Silang Budaya	18
1.3.6	Kajian Metafora Haiwan	19
1.3.7	Kajian Metafora Uzbek	20
1.4	Objektif Kajian	21
1.5	Persoalan Kajian	22

1.6	Kepentingan Kajian	22
1.6.1	Melambangkan Pemikiran Budaya Masyarakat Melayu Dan Uzbek	23
1.6.2	Menjelaskan Struktur Orientasi Pemikiran Metafora Silang Budaya	23
1.6.3	Meneliti Perkaitan Antara Dua Budaya Menerusi Pendokumentasian Bahasa	24
1.7	Pentakrifan Konsep	25
1.7.1	Metafora	25
1.7.1.1	Bentuk-bentuk Umum Metafora	30
1.7.1.2	Fungsi Umum Metafora	31
1.7.1.3	Jenis-jenis Metafora Linguistik	31
1.7.2	Metafora Haiwan	32
1.7.2.1	Fungsi Sosial Metafora Haiwan	33
1.7.2.2	Jenis Pembentukan Metafora Haiwan	34
1.7.3	Budaya	36
1.7.3.1	Unsur-unsur Kebudayaan	39
1.7.3.2	Bahasa Merentas Budaya	42
1.7.4	Makna Figuratif (Makna Kiasan)	45
1.8	Batasan Kajian	47
1.9	Kesimpulan	48

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	49
2.2	Bahasa Dan Budaya	50
2.3	Teori Metafora Konseptual	56



2.3.1	Pembinaan Teori Metafora Konseptual	58
2.4	Metafora Dalam Sudut Pandang Kajian Metafora Tradisional	61
2.5	Metafora Dari Sudut Pandang Kajian Metafora Kompleks	67
2.5.1	Sorotan Kajian Budaya	68
2.5.1.1	Pemetaan Sehalu	70
2.5.1.2	Pemetaan Dua Hala	72
2.5.1.3	Linguistik Kognitif	75
2.5.2	Sorotan Kajian Peribahasa	77
2.5.2.1	Definisi Peribahasa	77
2.5.2.2	Fungsi Peribahasa	82
2.5.2.2	Kajian Berkaitan Peribahasa	85
2.6	Metafora Dari Sudut Pandang Kajian Metafora Silang Budaya	93
2.7	Metafora Dari Sudut Pandang Kajian Metafora Haiwan	102
2.8	Kajian Metafora Melayu Dan Uzbek	122
2.9	Prinsip Pembinaan Metafora	124
2.9.1	Prinsip Sistematis	124
2.9.2	Prinsip Ketekalan (<i>The Invariance Principle</i>)	125
2.9.3	Gagasan Menyerlahkan Dan Menyembunyikan	126
2.9.4	Pengalaman Asas Dalam Metafora	126
2.9.5	Kesejagatan Metafora	127
2.10	Prinsip Pembinaan Metafora Haiwan Dalam Peribahasa Melayu	129
2.10.1	Pembinaan Metafora Haiwan Dalam Peribahasa Melayu Mematuhi Prinsip Sistematis	129



2.10.2	Pembinaan Metafora Haiwan Dalam Peribahasa Melayu Mematuhi Prinsip Ketekalan	130
2.10.3	Pembinaan Metafora Haiwan Dalam Peribahasa Melayu Mematuhi Prinsip Gagasan Menyerlah Dan Menyembunyikan	130
2.10.4	Pembinaan Metafora Haiwan Dalam Peribahasa Melayu Mematuhi Prinsip Kesejagatan	131
2.10.5	Pembinaan Metafora Haiwan Dalam Peribahasa Melayu Mematuhi Prinsip Pengalaman	132
2.11	Prinsip Pembinaan Metafora Haiwan Dalam Peribahasa Uzbek	133
2.11.1	Pembinaan Metafora Haiwan Dalam Peribahasa Uzbek Mematuhi Prinsip Sistemik	133
2.11.2	Pembinaan Metafora Haiwan Dalam Peribahasa Uzbek Mematuhi Prinsip Ketekalan	134
2.11.3	Pembinaan Metafora Haiwan Dalam Peribahasa Uzbek Mematuhi Prinsip Gagasan Menyerlah Dan Menyembunyikan	134
2.11.4	Pembinaan Metafora Haiwan Dalam Peribahasa Uzbek Mematuhi Prinsip Kesejagatan	135
2.11.5	Pembinaan Metafora Haiwan Dalam Peribahasa Uzbek Mematuhi Prinsip Pengalaman	136
2.12	Kesimpulan	137

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	138
3.2	Reka Bentuk Kajian	139
3.3	Data Kajian	151
3.4	Data Kamus	152
3.4.1	Kerelevanan Penggunaan Data Kamus	157

3.5	Prosedur Pengumpulan Data	159
3.5.1	Pengumpulan Data	159
3.6	Analisa Data	165
3.6.1	Pengkategorian Data	169
3.7	Kesimpulan	170

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	171
4.2	Pengkonsepsian Haiwan Dalam Budaya Melayu Dan Uzbek	172
4.2.1	Pengkonsepsian Anjing Dalam Budaya Melayu Dan Uzbek	172
4.2.2	Pengkonsepsian Ular Dalam Budaya Melayu Dan Uzbek	181
4.2.3	Pengkonsepsian Kambing Dalam Budaya Melayu Dan Uzbek	186
4.2.4	Pengkonsepsian Ayam Dalam Budaya Melayu Dan Uzbek	191
4.2.5	Pengkonsepsian Ikan Dalam Budaya Melayu Dan Uzbek	196
4.3	Pemetaan Metafora Dalam Peribahasa Melayu Dan Bahasa Uzbek Berdasarkan Teori Metafora Konseptual	202
4.3.1	Pembinaan Metafora Haiwan Secara Pengalaman Orientasi	207
4.3.2	Pembinaan Peribahasa Haiwan Dalam Budaya Uzbek Secara Pengalaman Orientasi	214
4.4	Pembinaan Metafora Haiwan Secara Pengalaman Ontologi	220
4.4.1	Pembinaan Peribahasa Haiwan Dalam Budaya Melayu Secara Pengalaman Ontologi	222

4.4.2	Pembinaan Peribahasa Haiwan Dalam Budaya Uzbek Secara Pengalaman Ontologi	226
4.5	Pembinaan Metafora Haiwan Secara Struktural	227
4.5.1	Pembinaan Peribahasa Haiwan Dalam Budaya Melayu Secara Pengalaman Struktural	228
4.5.2	Pembinaan Peribahasa Haiwan Dalam Budaya Uzbek Secara Pengalaman Struktural	230
4.6	Unsur Silang Budaya Metafora Haiwan Dalam Peribahasa Melayu Dan Uzbek	231
4.6.1	Anjing Dalam Budaya Melayu Dan Uzbek	231
4.6.1.1	Metafora Ontologi dalam Budaya Melayu dan Uzbek	235
4.6.1.2	Metafora Struktural dalam Budaya Melayu dan Uzbek	236
4.6.2	Ular Dalam Budaya Melayu Dan Uzbek	237
4.6.2.1	Perspektif	248
4.6.2.2	Metafora Orientasi dan Ontologi dalam Peribahasa Melayu dan Uzbek	240
4.6.2.3	Metafora Struktural dalam Bahasa Melayu dan Uzbek	241
4.6.3	Kambing Dalam Budaya Uzbek Dan Melayu	242
4.6.3.1	Perspektif	243
4.6.3.2	Metafora Orientasi dalam Peribahasa Melayu dan Uzbek	244
4.6.3.3	Metafora Ontologi dalam Budaya Melayu dan Uzbek	244
4.6.3.4	Metafora Struktural dalam Budaya Melayu dan Uzbek	245
4.6.4	Ayam Dalam Budaya Uzbek Dan Melayu	247

4.6.4.1	Perspektif	247
4.6.4.2	Metafora Orientasi dalam Peribahasa Melayu dan Uzbek	248
4.6.4.3	Metafora Ontologi dalam Budaya Melayu dan Uzbek	249
4.6.4.4	Metafora Struktural dalam Budaya Melayu dan Uzbek	249
4.6.5	Ikan Dalam Budaya Melayu Dan Uzbek	250
4.6.5.1	Perspektif	251
4.6.5.2	Ikan dalam Peribahasa Melayu dan Uzbek	252
4.6.5.3	Metafora Orientasi dalam Peribahasa Melayu dan Uzbek	253
4.6.5.4	Metafora Ontologi dalam Budaya Melayu dan Uzbek	253
4.6.5.5	Metafora Struktural dalam Budaya Melayu dan Uzbek	254
4.7	Kesimpulan	255

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	257
5.2	Perbincangan	258
5.2.1	Adakah terdapat sebarang persamaan dan perbezaan dalam metafora haiwan dalam budaya Bahasa Melayu dan Bahasa Uzbek?	258
5.2.2	Apakah elemen-elemen dua budaya dalam pemetaan metafora Bahasa Melayu dan Bahasa Uzbek berdasarkan Teori Metafora Konseptual?	261

5.2.3	Apakah unsur silang budaya dalam peribahasa metafora haiwan dalam bahasa Melayu dan Bahasa Uzbek	266
5.3	Kesimpulan	270
5.3.1	Adakah terdapat sebarang persamaan dan perbezaan dalam metafora haiwan dalam budaya Bahasa Melayu dan Bahasa Uzbek?	270
5.3.2	Adakah elemen-elemen dua budaya dalam Pemetaan Bahasa Melayu dan bahasa Uzbek berdasarkan Teori Metafora Konseptual?	271
5.3.3	Adakah unsur silang budaya dalam peribahasa metafora haiwan dalam budaya Bahasa Melayu dan Bahasa Uzbek?	272
5.4	Implikasi	274
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	275
5.6	Rumusan	276

RUJUKAN	277
----------------	-----

LAMPIRAN	303
-----------------	-----

Lampiran	A	Metafora Haiwan Peribahasa Budaya Uzbek
Lampiran	B	Metafora Haiwan Peribahasa Budaya Melayu

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka surat
2.1	Pelbagai istilah yang digunakan untuk kedua-dua domain dalam Kajianmetaan metafora	69
3.1	Asas Reka Bentuk Kajian	141
3.2	Andaian Paradigma Kualitatif	146
3.3	Ciri-Ciri Penyelidikan Kualitatif Meriam SB (2001)	148
3.4	Ciri-Ciri Penyelidikan Kualitatif Cresswell (2007)	149
3.5	Ciri-Ciri Penyelidikan dan Penyelidik Kualitatif	150
3.6	Data Mentah: Sumber metafora peribahasa haiwan dalam Melayu dan Uzbek	162
3.7	Sumber Metafora Peribahasa Haiwan Dalam Melayu dan Uzbek	164
4.1	Konsep anjing dalam budaya Melayu dan Uzbek	180
4.2	Konsep ular dalam budaya Melayu dan Uzbek	186
4.3	Konsep kambing dalam budaya Melayu dan Uzbek	191
4.4	Konsep ayam dalam budaya Melayu dan Uzbek	196
4.5	Konsep ikan dalam budaya Melayu dan Uzbek	201
4.6	Pembinaan Peribahasa haiwan dalam budaya Melayu secara Pengalaman Orientasi	209
4.7	Matriks tingkah laku haiwan dan makna dalam peribahasa Melayu	212
4.8	Pembinaan Peribahasa haiwan dalam budaya Uzbek secara Pengalaman Orientasi	215
4.9	Matriks tingkah laku haiwan dan makna dalam peribahasa Uzbek	219
4.10	Pembinaan Peribahasa haiwan dalam budaya Melayu secara Pengalaman Ontologi	222
4.11	Matriks tingkah laku haiwan dan makna dalam peribahasa Melayu	225



4.12	Pembinaan Peribahasa Haiwan dalam Budaya Uzbek Secara Pengalaman Ontologi	226
4.13	Pembinaan Peribahasa haiwan dalam budaya Melayu secara Pengalaman Struktural	229
4.14	Pembinaan Peribahasa haiwan dalam budaya Uzbek secara Pengalaman Struktural	230





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka surat
3.1 Data Metafora Peribahasa Ayam: Uzbek Tilining Izohli Lug'ati	167
3.2 Data metafora peribahasa ayam: Uzbek Xalq Maqollari	168
3.3 Pengkategorian data mengikut nilai, hubungan, agama, budaya dan geografi	169





BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Dalam perspektif budaya, metafora yang dicipta oleh masyarakat menggambarkan pengalaman, persekitaran, nilai dan sentimen yang dianuti oleh sesebuah masyarakat. Menurut Aziz Deraman (2007) melalui budaya seseorang individu boleh mengetahui struktur ilmu, alam dan taburan masyarakatnya. Dengan kata lain mengetahui budaya bermakna kita mengetahui *worldview* atau pandangan terhadap kehidupan dan dunia dalam masyarakatnya. Menurut Mohd Taib (1988) dan Saidatul Nornis (2007) *worldview* ialah pemikiran masyarakat hasil interpretasi alam sekelilingnya. Hubungan manusia dengan persekitaran, diperlihatkan melalui imej hasil daripada pengalaman manusia yang tersimpan dalam minda mereka. Penjanaan makna dalam pemikiran Melayu mengalami evolusi perkembangan melalui penghasilan bahasa kiasan dan peribahasa, iaitu meliputi simpulan bahasa dan peribahasa. Misalnya, kajian Asmah Haji Omar (1986) tentang *human body* yang melihat mengenai keunikan metafora hati dan hasil dari pengamatan manusia dengan alam sekeliling.





Pada peringkat awal, kajian metafora bersifat falsafah dengan mengaitkan tentang persepsi terhadap alam dan kehidupannya. Kajian yang bersifat saintifik terhadap metafora pula masih baharu dalam bidang linguistik ini. Demikianlah juga kajian metafora yang menjadikan elemen haiwan sebagai sumber daya renung untuk mempersepsikan alam dan hidupnya dalam kebanyakan bahasa yang hanya dijalankan oleh sebilangan kecil penyelidik. Walau bagaimanapun, penyelidikan tersebut amat bermanfaat sebagai kajian rintis yang perlu diselidiki secara mendalam.

Lakoff (2000) turut menyatakan bahawa manusia dapat menghubungkan kehidupan mereka dengan persekitaran fizikal dan melambangkannya melalui metafora. Kini metafora diiktiraf secara meluas bagi mewakili konsep dan pengalaman hidup dan budaya sesuatu masyarakat. Walaupun penyelidikan berkaitan metafora menerusi budaya ini sering kali didokumentasikan, kebanyakan sarjana masih menunjukkan representasi huraian yang bersifat kurang prihatin dan tidak mengupas secara fundamental terhadap isu ini (Fiumara, 1995). Beliau menegaskan bahawa pendekatan mengkaji metafora merentas budaya sangat penting dalam merenung daya taakul sesuatu masyarakat dan hal ini yang perlu dilakukan bagi menggambarkan secara generik apa yang terdapat dalam pemikiran masyarakat tersebut. Dalam petikan ini, jelaslah bahawa metafora memainkan peranan penting dalam usaha memberi gambaran terhadap budaya tempatan. Sehubungan dengan ini, aspek metafora seringkali dimanfaatkan bagi menterjemahkan elemen budaya dalam sesebuah masyarakat. Kajian berkaitan metafora budaya yang diteliti ialah kajian metafora yang berkaitan dengan aspek fauna.





Kajian Wan Norasikin et al. (2016); Sabariah et al. (2012); Norviana Laurencia (2015) dan Ermy Dyah Kurnia (2016) misalnya, mendeskripsikan simbol haiwan sebagai cerminan budaya sesebuah masyarakat. Kajian yang dilakukan ini berbentuk kajian ekspresi dan bukan sebagai kajian analisis. Kajian ekspresi ini hanya memberi penekanan terhadap taburan simbol fauna dan pemikiran yang terhasil melalui interpretasi simbol. Huraian metafora tidak begitu jelas dari sudut;

- i. Metafora sebagai konsep yang bernilai bukan sekadar perkataan.
- ii. Fungsi metafora untuk memahami sesuatu konsep.
- iii. Fungsi metafora bukan didasarkan atas persamaan.
- iv. Metafora digunakan untuk menunjukkan pemikiran yang kritis.
- v. Metafora merupakan satu kerangka proses pemikiran manusia yang



Kajian berbentuk analisis perlu dilakukan untuk menjawab semua prinsip metafora yang disarankan oleh Lakoff (1987). Pada pandangan Lakoff, sesuatu metafora itu merupakan konsep yang memiliki ciri-ciri tertentu. Oleh itu, kajian ini juga perlu menghuraikan dan menilai aspek berkaitan dengan status, kekuatan dan nilai melalui konsep peribahasa yang dapat diserlahkan melalui metafora konseptual.

1.2 Latar Belakang Kajian

Bagi menghubungkan aspek bahasa dengan metafora, fungsi bahasa selain berperanan sebagai sarana berfikir dan mengekspresikan idea, bahasa juga mengandungi elemen-elemen lambang atau simbol yang arbitrari dan dapat difahami






berdasarkan konvensi dalam hubungan sosial sesebuah masyarakat. Apabila bersosialisasi, bahasa melambangkan kandungan pemikiran dan budaya penuturnya. Seseorang itu sering menggunakan pelbagai gaya bahasa yang sesuai dengan konteks dan menyisipkan bahasa kiasan seperti perumpamaan atau ibarat, peribahasa, metafora, eufemisme dan sebagainya untuk menterjemahkan pemikiran dan perasaan dengan lebih berkesan. Kramsch (2001) menjelaskan bahawa bahasa ialah perantaraan yang mencetuskan tingkah laku manusia terhadap kehidupan sosial. Sewaktu digunakan dalam konteks komunikasi, bahasa terikat dengan budaya secara berlapis dan rumit. Dengan kata lain, bahasa mengungkapkan elemen budaya, mewujudkan status budaya, dan melambangkan entiti budaya sesebuah masyarakat. Intipati bahasa dan budaya sesuatu masyarakat itu terjadi secara ilmiah dan terlihat pada bentuk sosialisasi atau penyesuaian diri manusia yang berperadaban. Peranan bahasa amat luas sehingga dapat memupuk resam, nilai, dan norma serta pemikiran sesuatu bangsa, (Aziz Deraman, 2007). Pemupukan resam, nilai dan norma masyarakat ini turut terpancar dalam peribahasa Melayu antaranya “Jangan bawa resmi jagung, makin berisi makin menegak”, “Ikut resmi padi, makin berisi makin menunduk”, “Masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang kerbau menguak”, “Baik membawa resmi ayam betina, supaya tidak ada bencana” dan “Baik membawa resmi padi daripada membawa resmi lalang”.

Dalam bahasa Melayu, bentuk-bentuk bahasa kiasan dapat diklasifikasikan seperti Rajah 1.2 (Abdullah Hassan dan Ainon Mohd, 2004). Berdasarkan Rajah 1.2 dibawah, bahasa kiasan terdiri daripada bahasa peribahasa dan jenis-jenis peribahasa. Metafora yang dikelompokkan di bawah elemen bahasa peribahasa, merupakan salah satu aspek bahasa peribahasa, bersama-sama dengan personifikasi dan hiperbola.



Simpulan bahasa, pepatah, perumpamaan dan bidalan pula merupakan jenis-jenis peribahasa yang terdapat dalam budaya Melayu.

Bahasa Kiasan



Rajah 1.1. Klasifikasi Bahasa Kiasan (diubah suai daripada Abdullah Hasan dan Ainon Mohd (2004)

Hal ini menunjukkan bahawa metafora merupakan bentuk bahasa yang menyimpang daripada konvensi asal makna sesuatu kata atau frasa. Elemen-elemen di dalam metafora ini dapat memberi gambaran terhadap pemikiran masyarakat penuturnya. Oleh hal yang demikian, kajian ini meneliti pengkonsepsian metafora haiwan dari sudut silang budaya antara Melayu dan Uzbek.

Dalam budaya Melayu, metafora memancarkan hubungan antara bahasa dengan pemikiran bangsa Melayu. Cara bangsa Melayu memandang dunianya tersimpul dalam bahasa kiasan yang dicipta oleh mereka. Hal ini menunjukkan bahawa pernyataan hipotesis Sapir-Whorf. Sapir (1921) yang menjelaskan bahasa menentukan pemikiran penuturnya adalah benar. Cara seseorang penutur berfikir dalam bahasanya tergambar



menerusi penggunaan sesuatu perkataan itu dengan lebih meluas. Dengan yang demikian dapat dikatakan bahawa bahasa ialah bahagian integral, iaitu yang perlu atau yang menjadi sebahagian daripada hidup manusia. Bahasa menyerap dalam setiap fikiran dan cara penutur itu memandang dunianya. Menurut Von Humboldt dalam Gumperz & Levinson (1996) terdapat saling hubung yang erat antara pemikiran masyarakat, bahasa, dan budaya.

Bahasa dengan budaya memiliki hubungan yang intrinsik, iaitu wujudnya perkaitan antara bahasa dan sikap, pemikiran dan perilaku sesuatu bangsa (Gumperz, 1996). Hal ini dapat dikenal pasti melalui penggunaan bahasa termasuklah peribahasa. Namun, sejauh mana bahasa membentuk dan mengawal pemikiran penuturnya serta cara bahasa merefleksikan pandangan mereka tentang dunia masih menjadi persoalan.

Walau bagaimanapun, hakikat yang tidak boleh dipersoalkan adalah terdapatnya hubungan bahasa dengan kepercayaan dan nilai hidup dalam kebudayaan penuturnya. Malah, bahasa dan konsep pemikiran penutur juga ditentukan oleh cara dan perlakuan penutur itu terhadap setiap sesuatu yang dipandang dan diamati di dunia ini. Setiap satu perlakuan yang dipandang mendorong penutur itu membina pemahaman yang bermakna terhadap alam sekelilingnya lalu diungkapkan menggunakan bahasa.

Pada tahap ideal, kesatupaduan ini muncul sebagai tritunggal, iaitu satu masyarakat, satu bahasa, satu budaya (Gumperz, 1996). Von Humboldt juga menegaskan bahawa struktur bahasa turut mempengaruhi perkembangan pola fikiran manusia, dan dalam setiap bahasa terkandung pandangan dunia yang khusus. Manusia selalu berhadapan dengan realiti di luar dirinya, tetapi realiti itu hadir dan muncul dalam





fikiran manusia melalui medium bahasa yang khusus. Sejajar dengan itu, pandangan dunia seseorang, dan juga suatu masyarakat itu juga ditentukan oleh bahasa pertama mereka (Slobin, 1996).

Melalui metafora Melayu, terpancar usaha bangsa Melayu mencari makna terhadap sesuatu perlakuan serta usaha mencapai tindakan dan keputusan yang setara dengan perlakuannya. Usaha ini disifatkan sebagai proses membina ilmu dan kefahaman yang melibatkan aktiviti mental dalam kognisi manusia yang seterusnya membentuk pemikiran. Pemikiran merujuk kepada sesuatu yang difikirkan dan dicernakan dalam bentuk sesuatu idea, saranan atau konsep yang boleh sahaja dilakukan atau dilaksanakan, atau tidak dilaksanakan sehingga bangsa itu memiliki dan mewarisi hasil pemikiran itu (Aziz Deraman, 2007). Dengan kata lain, pemikiran ialah satu produk yang diproses melalui proses fikiran dan pemikiran ini amat dipengaruhi oleh minda seseorang. Sehubungan dengan itu, setiap saranan, idea atau konsep yang lahir dalam pemikiran akan membentuk kepercayaan dan ideologi yang juga merupakan falsafah hidup orang Melayu sejak dahulu lagi. Falsafah yang mendasari pemikiran bangsa Melayu dahulu adalah terhasil melalui pengamatan, penghayatan terhadap agama, akal budi, adat dan budaya, serta alam kehidupan yang meliputi alam flora, alam fauna, alam benda serta alam sekeliling yang melatari kehidupan mereka.

Raja Ali Haji (1927) menyifatkan bahasa yang diungkapkan perlulah secara berilmu. Hal ini menunjukkan bahawa ungkapan yang lahir dalam pertuturan seseorang memiliki falsafah pemikiran yang berilmu. Kepercayaan terhadap falsafah ini menerbitkan konsep tertentu berkaitan metafora. Menurut S. M Naquib Al-Attas (1989) ilmu lahir apabila berlaku pengecaman terhadap objek yang dikaji terutama benda-





benda yang empirikal sehingga jumlahnya tidak ada had dan bertimbun-timbun secara kumulatif dari satu generasi ke satu generasi. Begitu jugalah yang berlaku dalam pengungkapan metafora apabila pengecaman terhadap benda atau objek alam diamati sehingga menerbitkan pengetahuan berkaitan sesuatu. Dari sudut keilmuan, menerusi bidang semantik, konsep ‘renungan ilmu’ ini disebut sebagai metafora. Atas dasar teoritis, maka dalam acuan yang lebih spesifik, konsep metafora berfalsafah ini dipanggil metafora konsepsi atau metafora konseptual.

Daripada perspektif Uzbek pula, metafora dianggap sebagai kata-kata seni yang mempunyai simbolik di sebaliknya. Masyarakat Uzbek mendominasi metafora dalam kehidupan menerusi puisi, jenaka, teater kanak-kanak sehingga dijadikan sebagai bahan pemudah cara dalam komunikasi dan menjalin hubungan sesama kaum. Dalam sesetengah konteks, bahan metafora dianggap sebagai mekanisme ironi untuk menyindir atau menasihati seseorang. Secara tradisional, metafora dalam bahasa Uzbek diungkapkan secara retorik, iaitu digunakan pada saat-saat tertentu untuk mengungkapkan pemikiran. Metafora menyatu dalam bahasa-bahasa harian dan menjadi bentuk yang sangat penting untuk memahami dan membicarakan dunia. Metafora juga diaplikasikan dalam hal istiadat dan ungkapan yang tersirat digunakan bagi menjelaskan perilaku seseorang, meskipun untuk memberi penghargaan. Metafora turut diguna bagi mengkritik dan mengeji ataupun mempamerkan emosi tertentu. Pemilihan perkataan tertentu dapat menyerlahkan harapan dan hasrat si penutur (Obidjon Karimov Yakubdjnovich, 2013).





Metafora atau karya artistik turut dikaji oleh peneliti bahasa Uzbek seperti Yusuf Xos Hojib; Ahmad Yassaviy; Rabg'uziy; Lutfiy; Alisher Navoiy; Bobur; Abulg'ozil Bahodirxon; Munis; Ogahiy; Nodira; Muqimiy; Furqat; Avaz; Hamza; Sadridin Ayniy; Fitrat; Cho'lpon; Abdulla Qodiriy; Oybek dan G'ofur G'ulom (To'ra Mirzyev; Asqar Musoqulov dan Bahodir Turdimov, 2013). Para pengkaji yang mengkaji perkara artistik ini menulis buku-buku seni seperti novel, puisi dan buku-buku satera dengan memasukkan komponen peribahasa dalam karya mereka. Pada abad ke-10, seorang ahli linguistik etnograf dan ahli budaya rakyat (*folklore*), yang bernama Mahmud Koshg'ariy merujuk kepada buku To'ra Mirzyev et al., (2013) menyatakan bahawa begitu banyak metafora yang terdapat dalam peribahasa Turki dan hal ini menggambarkan fenomena bermetafora wujud dalam masyarakat awal Uzbekistan. Kumpulan koleksi bahasa beliau didokumentasikan sebagai "*Devoni lug'otit turk*".



Menurut To'ra Mirzyev, Asqar Musoqulov dan Bahodir Turdimov (2013) antara pengkaji lain yang mengkaji secara khusus metafora dalam peribahasa Uzbek ialah Ostroumov; Rahmonov; Jo'rayev; Zarifov; Karimov; Rizayev; Azimov; Holmatov; Afzalov; Ibrohimov; Hudoyberganov; Juman; Siddiqov; Sarimsoqov; Sarimsoqov; Musoqulov; Madrahimova; Shomaqsudov; Shorahmedov; Mirzayev; Sarimsoqov; dan Musoqulov dalam Kamus Uzbek. Mereka telah mengumpul peribahasa dalam budaya tersebut dan membukukannya untuk dijadikan rujukan masyarakat. Karya ini menjadi titik tolak dalam mengekspresi serta menyebarkan penggunaan kiasan dalam kehidupan masyarakat Uzbek amnya. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa metafora dalam msyarakat Uzbek dikonstruksikan dalam perspektif peribahasa dan retorik.






Dalam perspektif Semantik Kognitif, satu generalisasi penting yang wujud hasil daripada metafora konseptual adalah bahawa metafora konseptual biasanya mengamalkan konsep konkrit sebagai sumber, manakala konsep abstrak atau fizikal sebagai sasaran. Hujah, cinta, idea, dan organisasi sosial merupakan konsep yang lebih abstrak sifatnya berbanding peperangan, perjalanan, makanan, dan tumbuhan. Justeru, untuk memahami sesuatu konsep abstrak, konsep-konsep kognitif yang lain dalam batasan domain sasaran untuk tujuan ini. Perkara ini dapat menjelaskan mengapa dalam kebanyakan kajian metafora, sumber dan sasaran domain tidak boleh bertimbal balik. Contohnya, kita tidak akan mengatakan “idea” sebagai “makanan” atau “perjalanan” sebagai “cinta”. Inilah prinsip *undirectionality* iaitu, proses metafora yang hanya berlaku dalam konteks konkrit kepada yang lebih abstrak, tetapi tidak sebaliknya (Zoltan Kovecses, 2010).



Mekanisme yang diaplikasikan dalam Semantik Kognitif untuk memahami metafora ialah Metafora Konseptual. Metafora Konseptual bertindak sebagai aset pemetaan dengan menggunakan perkataan “kepada” / *to* atau untuk mencirikan hubungan antara dua konsep (A dan B) dalam proses metafora. Perkataan “kepada” / *to* yang merujuk kepada maksud “difahami”, adakah maksudnya tepat atau memiliki pelbagai maksud lain. Oleh itu, timbul persoalan penting dalam kajian ini iaitu; Apakah maknanya A betul-betul difahami sebagai B? Dari sudut akademiknya, projeksi Metafora Konseptual membawa erti bahawa terdapat satu set keserupaan sistematik (*systematic correspondences*) antara domain sumber dan domain sasaran dalam erti kata bahawa unsur-unsur konsep konstituen dalam B sesuai dengan unsur-unsur konstituen A. Secara teknikal, keserupaan konseptual ini sering dirujuk sebagai pemetaan.





Rajah 1.2. *Love Is A Journey*. Source: Zoltan Kovecses (2010)

Set projeksi ini merupakan set keserupaan sistematik atau pemetaan, yang mencirikan *LOVE IS A JOURNEY* dalam bentuk metafora konseptual. Konstituen domain A adalah sejajar secara sistematik dengan konstituen domain B (Zoltan Kovecses 2010). Oleh itu jelaslah bahawa dalam menterjemah konsep metafora, pemetaan adalah kaedah yang dapat menghubungkan pandangan antara domain sumber ke domain sasaran. Hal ini berbeza dengan pandangan tradisional, yang menyatakan bahawa fungsi metafora jika dilihat secara *classical view* / *referential view* dan *romantic view* (Jaszczolt, 2002: 346). Dari sudut retoriknya, metafora dalam kedua-dua perspektif ini memerlukan interpretasi berpadu antara bahasa dan pemikiran bagi mempersepsi dunia.

Atas dasar kepentingan meneroka pandangan dunia menerusi interpretasi budaya, maka kajian ini dilakukan untuk menghuraikan perbezaan dan persamaan dalam projeksi pemetaan domain sumber (haiwan) ke domain sasaran (maksud) dalam metafora fauna dalam budaya Uzbekistan dan Melayu dari sudut silang budaya menerusi pandangan moden menggunakan Teori Metafora Konsepsi dan Teori Kognitif Budaya.



Metafora bahasa Melayu dan bahasa Uzbek diperoleh daripada kamus umum, kamus peribahasa dan kamus simpulan bahasa daripada kedua-dua negara. Kajian deskriptif ini menggunakan Teori Metafora Konsepsi daripada Lakoff dan Johnson (2008) dan Teori Kognitif Budaya oleh Lakoff dan Johnson (2002) yang berpendapat bahawa metafora bukan hanya membentuk komunikasi manusia, tetapi juga membentuk pemikiran dan perilaku manusia.

1.3 Permasalahan Kajian

Terdapat banyak kajian yang menyentuh tentang metafora budaya dan penelitian dikategorikan kepada tujuh aspek, iaitu Kajian Metafora Tradisional, Kajian Metafora Kompleks, Kajian Metafora Khusus, Kajian Metafora Tidak Khusus, Kajian Metafora Silang Budaya, Kajian Metafora Haiwan dan Kajian Metafora Uzbek. Setiap kategori ini akan diuraikan secara terperinci dalam bahagian selanjutnya bagi mengenalpasti apakah permasalahan yang timbul dari kajian-kajian tersebut bagi dijadikan landasan kepada kajian yang dijalankan ini.

1.3.1 Kajian Metafora Tradisional

Kajian Metafora Tradisional memberi tumpuan kepada penguraian metafora dari sudut pandang retorik klasik. Antara pengkajinya ialah Aristotle (1457); Glucksberg dan McGlone (2001); Fontaniar (1821); Mooij (1976); Fogelin (1988); Leezenberg (2001); Eunbanks (1999) dan Max Black (1962). Kesemua pengkaji ini menguraikan persoalan bagaimana pemetaan metafora berlaku dalam falsafah pemikiran manusia.





Pada waktu ini, kajian metafora disifatkan sebagai artistik, iaitu manusia mengolah metafora dalam bentuk syair yang indah sehingga dapat menggambarkan nilai rasa dan fikiran seseorang. Penciptaan syair yang indah ini merupakan kehebatan bakat yang dimiliki penyair dan seseorang yang fasih berbahasa. Metafora juga digunakan bagi menggambarkan aspek sastera semata-mata, Namun masih dapat difahami maksudnya. Oleh sebab itu, metafora yang dipersembahkan dalam bahasa klasik merupakan konsep yang abstrak dan bukan kiasan perbandingan. Walaupun begitu, keseluruhan kajian ini menyatakan bahawa metafora merupakan ciri seni yang dapat menjadi wahana terbaik dalam menyampaikan pemikiran. Namun, setelah diamati dilihat pengkonsepsian metafora masih lagi berada pada tahap penciptaan sewenang-wenangnya iaitu secara falsafah sastera semata-mata, dan tiada unsur pemetaan berlaku dalam metafora yang terhasil.



1.3.2 Kajian Metafora Kompleks

Kajian Metafora Kompleks bermaksud kajian yang melihat pemetaan metafora berdasarkan strategi yang digunakan sama ada menggunakan teoretikal mahupun menggunakan psikologi. Kajian metafora kompleks dikategorikan kepada beberapa subtopik, iaitu Kajian Metafora Budaya dan Kajian Metafora Peribahasa.

Kajian Metafora Budaya ditakrifkan sebagai kajian yang melihat strategi metafora yang mengutamakan aspek budaya. Oleh itu, kajian ini meneliti penyelidikan berkaitan dengan semua permetaforaan budaya seperti yang terdapat dalam kajian Black (1979); Lakoff dan Johnson (1980); Johnson (1987); Lakoff dan Tuner (1989); Lakoff (1993); Gibbs (1994); Kovecses (2002); Croft dan Cruse (2004); Evans dan Green (2006); Gibbs dan Colston (1995).





Para pengkaji tersebut telah menganalisis metafora bukan sebagai pemetaan sahaja, malah sebagai pemetaan domain sumber kepada sasaran yang merangkumi generalisasi yang berkaitan dengan budaya masing-masing. Walaupun begitu, kajian-kajian ini masih tidak memerikan dengan jelas bagaimana pemikiran berkaitan pengkonsepsian berlaku selain menyatakan sebagai pemetaan sehala dan dua hala sahaja. Selain itu, persoalan berkaitan bagaimana proses pemetaan sumber kepada sasaran tidak dinyatakan dengan terperinci, sebaliknya hanya menyatakan secara langsung seolah-olah fikiran manusia seperti “mesin”. Hal ini menyebabkan pemerian metafora yang dilakukan dilihat dari sudut kepelbagaian konsep-konsep, tetapi tidak disertakan proses pemetaan budaya yang terlibat dalam konsep tersebut. Misalnya, metafora *Machines Are People* hanya dipetakan sebagai falsafah mesin dalam budaya tersebut. Walau bagaimanapun, alasan pemilihan kosa kata mesin berbanding perkataan lain tidak dinyatakan. Kelompondan inilah yang akan dirungkaikan dalam kajian ini bagi menambah baik penghuraian berkaitan pemetaan metafora budaya.

Kajian Metafora Kompleks turut melibatkan kajian peribahasa. Dalam kajian peribahasa, pemetaan metafora yang agak kompleks terlihat daripada keunikan pencipta atau masyarakat dalam menyerlahkan pemikiran mereka menerusi peribahasa. Antara pengkaji yang tergolong dalam kajian ini ialah Lakoff dan Johnson (1980); Fontecha dan Catalan (2003); Azam Estaji dan Fakhteh Nakhavali (2011); Nilufer Can (2011); Wen Zhao (2012); Jianwen Liu (2013); Othman Ahmed Omran Othman (2013); Wan Norasikin Wan Ismail; Abdul Latif Samian dan Nazri Muslim (2016). Kesemua pengkaji ini menyatakan bahawa metafora merupakan komponen penting yang wujud dalam masyarakat bagi mencerminkan nilai-nilai tertentu seperti simbolik budaya, falsafah hidup, pengalaman kepercayaan, gaya hidup dan estetika.



Metafora dalam kajian ini diterjemahkan daripada peringkat mikro hingga ke peringkat makro, iaitu setiap konsep dikaitkan dengan aspek budaya khusus. Oleh sebab itu, metafora tidak lagi dipetakan berorientasikan strategi semata-mata, tetapi juga kepelbagaian konsep. Persoalan metafora seperti mengapa konsep itu wujud dapat dijawab dengan berpada. Namun begitu, kelompongan kajian ini ialah kajian ini tidak dapat menghuraikan orientasi peringkat yang teratur berkaitan pengkonsepsian metafora tersebut.

1.3.3 Kajian Metafora Khusus

Kajian metafora khusus ditakrifkan sebagai kajian yang memerikan metafora dari sudut bidang ilmu seperti kimia (Brown, 2003; fizik Pulaczewska, 2011), neurosains (Goschler, 2008); biologi (Keller, 1995, 2000); Maasen, Mendelsohn, dan Weingart, 1995; Ouzounis & Mazière (2006); kajian alam sekitar (Larson, 2011); dan perubatan (van Rijn-van Tongeren, 1997; Richardt, 2005; Salager-Meyer, 1990; serta psikoterapi (Tay, 2011). Kajian metafora turut dikaji dengan lebih mendalam dalam bidang Sains Sosial dan Kemanusiaan serta falsafah contohnya dalam kajian Black (1962); Jakel (1997); Johnson (2010) dan Hoffman (1985), pensejarahan dan sejarah falsafah dalam kajian Ankersmit (1994), Demandt (1978), White (1978) dan Topitsch (1979), kajian dalam bidang sosiologi, contohnya oleh Rigney (2001), Levine (1995) dan Maasen et al., (1995) dalam sains pentadbiran oleh Cornelissen, Oswick, Christensen dan Phillips (2008) Grant & Oswick (1996); Morgan (1986). Seterusnya dalam kajian undang-undang contohnya Smith (2007) dan Winter (2001); bidang ekonomi contohnya Charteris-Black (2004); Crawford Camiciottoli (2006); Lindstromberg (1991);



Skorszynska (2010), Skorczynska & Deignan (2006); White (2003); Henderson (1986, 2000) dan kajian dalam bidang pendidikan misalnya Aubusson, Harrison dan Ritchie (2006); Cameron (2003); Cameron & Low (2004); Charteris (2000); Darian (2003); Giles (2008); Hoffman (1980); Littlemore (2001, 2003, 2008, 2011); Littlemore dan Low (2006); dan Low (2009, 2010).

Kesemua bidang ini memperlihatkan metafora diadun dalam perspektif ilmu yang lain, bukan sahaja dalam bidang bahasa sehingga menambahkan lagi pendokumentasian metafora. Dalam kategori ini, metafora dicipta secara praktikal melalui dimensi ilmu yang disampaikan menggunakan pendekatan yang tersendiri oleh pengamal bidang. Terdapat juga metafora yang tercipta secara semula jadi. Walaupun terdapat teori ilmu dalam bidang-bidang tersebut yang dimanfaatkan bagi mengumpamakan metafora tersebut, namun kelihatan metafora konseptual yang diprojeksikan tidak membangunkan aspek motivasi yang mendalam disebalik terma yang mereka gunakan.

1.3.4 Kajian Metafora Tidak Khusus

Kajian metafora tidak khusus didefinisikan atas dasar metafora yang dicipta merangkumi pelbagai bidang, iaitu meliputi bidang emosi, tumbuh-tumbuhan dan wanita. Pengkaji dalam bidang emosi seperti Goddard (1996) Muhammad Haji Salleh (2009); Sabariah (2007); 'Rozaimah Rashidin dan Nor Hashimah Jalaluddin (2013); Kovecses (1986, 1988, 1990, 1995, 2000, 2010); Lakoff and Johnson (1980, 1999); Tendahl (2008; Stover (2010); Hassan (2003); Rozaimah Rashidin dan Nor Hashimah Jalaluddin (2013b); Tendahl (2009) dan Stover (2010).





Seterusnya pengkaji dalam bidang tumbuhan ialah Krzeszowski (1997); Kovecses (2002) dan Zhang Yangyang (2012) manakala dalam bidang wanita pula ialah Mari Takada, Kazuko Shinohara, Fumi Morizumi, Michiko Sato (2000).

Dalam bidang emosi, metafora dilihat bersifat transformasi, iaitu metafora diterjemahkan melalui pemindahan rasa emosi kepada satu fikiran yang lain. Pembentukan metafora berlaku secara *ad hoc* dan menimbulkan inferensi tertentu. Hal ini bermakna bahawa metafora yang dihasilkan mempersepsikan penyimbolan konsep sahaja walaupun disusuli dengan pendekatan atau teori seperti Teori Kognitif, Teori Relevan, dan Teori Hybrid. Namun begitu, kesemua aspek penyimbolan konsep direfleksikan melalui pembuktian lingustik dan inilah yang menimbulkan persoalan kepada pengkaji, iaitu sejauh manakah bukti yang perlu dimanifestasikan bagi menyerlahkan metafora tersebut. Tambahan pula setiap individu dalam sesuatu budaya tidak terbatas pemikirannya dalam menyampaikan metafora.

Dalam kajian metafora tumbuhan pula, didapati metafora dibina dengan menggunakan set pemetaan pengalaman yang begitu mendalam. Hal ini terserlah dalam metafora tumbuhan di Poland oleh kajian Krzeszowki (1997) yang menyatakan bahawa “*bud*” dan “*weed*” bukan tumbuhan yang biasa digunakannya, tetapi diaplikasikan dalam metafora yang membawa makna tidak berpuas hati. Hal ini menunjukkan bahawa metafora yang dihasilkan memerlukan pengalaman yang begitu mendalam terhadap persekitaran. Oleh itu, sejauh manakah konsep metafora dapat difahami melalui rentas domain terhad.





Seterusnya metafora dalam domain wanita pula mempersembahkan ekspresi metafora yang tidak bebas, tetapi mematuhi tetapan sosial budaya. Hal ini menunjukkan bahawa perwakilan metafora tidak secara telus, tetapi sebaliknya secara templat. Hal ini bererti terdapat persamaan antara sumber dan sasaran dalam aspek budaya masyarakat. Kajian ini lebih berwibawa sekiranya metafora dijelaskan daripada tipologi budaya yang rencam.

1.3.5 Kajian Metafora Silang Budaya

Kajian metafora silang budaya merupakan kajian yang melihat beberapa persamaan dan perbezaan antara beberapa negara atau budaya yang berbeza. Pengkaji yang terlibat dalam kategori ini ialah Xiuzhi Li (2010); Chen (2010); Liu and Zhao (2013); Mashak, Pazhakh dan Hayati (2012); Berendt and Tanita (2011); Byram (1997, 2008); Porter (2010); Kramsch (1993, 1998); Esmail Faghih (2001); Almirabi (2015); Regina Guterrez Perez (2008); Lakoff dan Johnson (1980); Lakoff (1993); Lakoff dan Johnson (1980); Kovecses (2002); Zahra Khajeh dan Imron-Ho-Abdullah (2012); Lakoff dan Johnson (1980, 1999); Ahrens (2002).

Dalam kajian ini, metafora dilihat sebagai konsep budaya universal antara domain sumber ke domain sasaran. Konsep universal dimaksudkan sebagai metafora diungkapkan melalui persekitaran geografi, peribadi, nilai gaya berfikir serta pandangan terhadap dunia. Hal ini merumuskan bahawa ekspresi metafora dilakukan secara harfiah, misalnya “*walking on the clouds*” diterjemahkan sebagai *Happiness Is Up*. Pemetaan metafora dilakukan dengan menggaitkan makna berkaitan dengan satu konsep yang mendalam. Oleh itu, jelaslah bahawa pengkaji melihat pengkonsepsian





metafora tidak merasionalkan pandangan dan fikiran menggunakan entiti budaya sebagai titik tolak aspek fundamentalnya sebaliknya, hanya penghuraian aspek permukaan berkaitan paparan persamaan dan perbezaan metafora yang ada dalam dua budaya.

1.3.6 Kajian Metafora Haiwan

Kajian metafora haiwan ditakrifkan atas dasar perbincangan metafora dideskripsikan berdasarkan domain haiwan. Kajian ini dikategorikan bagi tujuan mengenal pasti sejauh mana pemerian metafora haiwan dirungkaikan dan akhirnya menjadi teras dalam kajian ini. Pengkaji yang terlibat dalam metafora haiwan ini ialah Krikmann (2007); Lakoff dan Turner (1989); Imran Ho-Abdullah (2011); Wei Lixia (2012); Kovecses (2002, 2005, 2010); Noviana Laurencia (2015); Mehri Rouhi (2011); Thorntorn (1999); Kieltyka dan Kleparski (2007); Holes dan Abu Athera (2009); Peled-Shapira (2009); Rodriguez (2009); Kleparski (2002); Kieltyka dan Kleparski (2007); Thornton (1989); Nurul Nadia Muhammad dan Sabariah Rashid (2013); Merry Lapasau dan Arbak Othman (2010); Henrieta Hatalova (2007); Sangji Zhaxi (1998); Kobia (2016); Ching-yu Hsieh (2008); Kovecses (2000); Halliday (1985); Jiang Feng dan Wen Xu (2014), dan Feng (2016).

Kajian ini menterjemahkan metafora secara perbandingan antara haiwan-haiwan dan kaitannya dengan budaya. Secara umum, kajian metafora haiwan diperjelaskan menerusi prinsip analogi. Walaupun setiap kajian tersebut menguraikan metafora haiwan menggunakan teori yang berbeza, namun setiap penyelidikan ini tidak





menjelaskan mengapakah sifat atau ciri-ciri haiwan tersebut begitu signifikan dalam perspektif sesuatu budaya. Selain itu, metafora haiwan tersebut tidak dijelaskan secara saintifik dan kongruen berkaitan konsep-konsep yang muncul dalam pemahaman metafora haiwan.

1.3.7 Kajian Metafora Uzbek

Kajian Metafora Uzbek ditakrifkan atas dasar kajian ini memerikan metafora dalam budaya Uzbek sendiri. Pengkaji yang tergolong dalam kajian ini ialah Yaqub Siddiqovich Saidov (2016) dan Obidjon Karimov Yakubdjanovich (2013). Kedua-dua pengkaji ini mengekspresikan metafora Uzbek sebagai penterjemahan pandangan penyair terhadap dunianya. Namun begitu, metafora yang terhasil bersifat sangat artistik sehingga penyelidik tidak dapat menjelaskan hubungan kait metafora dengan pemikiran penciptanya. Hal ini mungkin berlaku kerana tidak banyak penyelidik yang terdedah dengan ilmu bahasa bertaraf teoretikal.

Bertitik tolak daripada semua kelemahan atau kelompongan kajian-kajian lalu yang dikemukakan ini, maka kajian metafora yang lebih berpada perlu dilakukan khususnya bagi mengenal pasti nuansa sebab akibat secara fundamental dalam pengkonsepsian metafora, khususnya metafora haiwan secara silang budaya, iaitu antara budaya Malaysia dan budaya Uzbek. Kajian ini akan memberi tumpuan terhadap lima aspek iaitu hubungan antara metafora dan budaya, sudut pandang dari perspektif teoretikal, orientasi metafora dalam perspektif silang domain, orientasi metafora dalam perspektif silang budaya dan representasi metafora berdasarkan generalisasi holistik.





Namun sehingga kini masih tidak ada kajian perbandingan antara kebudayaan Melayu dan Uzbek. Bangsa Melayu dan Uzbek menganut agama yang sama, oleh itu pengkaji meyakini bahawa Melayu dan Uzbek berkongsi budaya yang sama. Kajian ini dijalankan adalah untuk menyelidiki penggunaan metafora haiwan dalam budaya Melayu dan Uzbek dari aspek semantik berasaskan Teori Metafora Konsepsi.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini secara umum adalah untuk menghuraikan peribahasa metafora haiwan antara dua budaya yang berbeza, iaitu Melayu dan Uzbek. Secara khusus kajian ini bertujuan untuk:

- i. Mengenal pasti persamaan dan perbezaan metafora haiwan dalam budaya bahasa Melayu dan bahasa Uzbek.
- ii. Menghuraikan elemen-elemen dua budaya dalam pemetaan metafora bahasa Melayu dan bahasa Uzbek berdasarkan Teori Metafora Konseptual.
- iii. Menganalisis unsur silang budaya antara peribahasa metafora haiwan dalam budaya bahasa Melayu dan bahasa Uzbek.

1.5 Persoalan Kajian

Berpandukan kepada objektif kajian yang telah digariskan, pengkaji telah mendapati bahawa terdapat beberapa persoalan kajian yang mesti dijawab. Antara persoalan kajian tersebut ialah:



- i. Adakah terdapat sebarang persamaan dan perbezaan dalam metafora haiwan dalam budaya bahasa Melayu dan bahasa Uzbek?
- ii. Apakah elemen-elemen dua budaya dalam pemetaan metafora bahasa Melayu dan bahasa Uzbek berdasarkan Teori Metafora Konseptual?
- iii. Apakah unsur silang budaya dalam peribahasa metafora haiwan dalam budaya bahasa Melayu dan bahasa Uzbek?

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting kerana dapat menjadi satu wahana rujukan akademik yang membincangkan tentang kebudayaan dari sudut metafora. Sumbangan kajian ini dapat dihuraikan seperti berikut.

1.6.1 Melambangkan Pemikiran Budaya Masyarakat Melayu dan Uzbek

Metafora dalam peribahasa Melayu dan Uzbek mencerminkan mesej pemikiran dari sudut pandangan hidup, nilai, moral, aspirasi, kepercayaan dan pengetahuan yang didukung oleh masyarakat penciptanya. Metafora turut memberikan makna yang boleh menjadi simbol kebijaksanaan masyarakatnya. Melalui penjelasan metafora rentas budaya, satu pendedahan berkaitan hubungan persamaan antara benda-benda di dunia berbeza dapat diinterpretasikan. Walaupun sistem pemikiran dalam dunia budaya yang berbeza, namun, satu titik pertemuan berkaitan kesenian penciptaan metafora dapat digarap secara tidak langsung. Menurut Shu (2000: 91), kewujudan metafora adalah berdasarkan tiga faktor yang penting, iaitu faktor sosial, faktor kognisi dan faktor



bahasa. Kewujudan faktor sosial adalah kerana bahasa adalah alat komunikasi antara manusia. Keadaan ini boleh berlaku apabila pengguna metafora ingin menunjukkan kesenian bahasa dan taraf pendidikannya demi meninggikan status sosialnya. Hal ini juga boleh disebabkan tekanan politik atau sosial yang menyebabkan pengguna itu terpaksa menggunakan metafora untuk menerangkan perkara secara tidak langsung. Oleh itu, dapatlah difahami bahawa menerusi metafora silang budaya fikiran masyarakat adalah benar dan mengungkapkan identiti taakul penciptanya.

1.6.2 Menjelaskan Struktur Orientasi Pemikiran Metafora Silang Budaya

Pemetaan metafora silang budaya yang diterjemahkan dalam kajian ini menjadikan pembaca dapat memahami struktur orientasi metafora silang budaya secara lebih telus.



Lakoff dan Johnson (1980) juga berpendapat bahawa metafora bukan sahaja sejenis

satu bentuk bahasa, tetapi juga merupakan melambangkan kognisi masyarakatnya. Metafora merupakan panduan kepada manusia untuk mengenali sesuatu objek dan membina sesuatu sistem konsep.

Menurut Lakoff dan Johnson (1980) dari segi asas bukti linguistik, sistem konsep yang biasa digunakan adalah bersifat metaforikal semula jadi. Dalam kata lain, metafora sebenarnya sama seperti apa yang dilihat, difikir dan dilakukan. Oleh itu proses pemikiran manusia jelas berorientasi dan berstruktur. Begitu jugalah yang terkandung dalam metafora silang budaya, iaitu orientasi yang diterjemahkan dalam pembentukan metafora silang budaya mungkin dapat dikenal pasti sama ada bersifat pandangan semula jadi atau sebaliknya.





1.6.3 Meneliti perkaitan antara dua budaya menerusi pendokumentasian bahasa

Kedua-dua budaya dalam kajian ini mempunyai ciri-ciri metafora unik yang boleh dilakukan kajian secara ilmiah. Ini sudah tentu memperkayakan khazanah dalam kajian mengenal identiti budaya masing-masing. Hal ini demikian kerana metafora terbentuk dari sistem rangkaian sosial masyarakatnya. Penggunaan bahasa yang indah dalam pengungkapan metafora mempamerkan ketamadunan sesuatu bangsa. Asmah Haji Omar (2008) turut menyatakan bahawa bahasa bermetafora menampilkan estetika dan kehebatan sulaman penciptanya. Menerusi kajian ini, pengkaji telah mencungkil aspek retorikal yang terdapat dalam metafora kedua-dua budaya. Secara tidak langsung, hubungan antara budaya dapat dipereratkan apabila saling memahami keunikan penciptaan metafora masing-masing melalui kajian ini. Menurut Larson (1998) tema metafora dapat diterjemahkan oleh seseorang penutur dalam bahasa tertentu melalui pemahaman titik kesamaan yang biasanya diterjemahkan secara implisit. Oleh itu, seseorang pengkaji perlu menyelami dengan telus eksploitasi dalam metafora silang budaya.

1.7 Pentakrifan Konsep

Pentakrifan konsep amat penting dalam menghasilkan kajian yang mantap dan pendeskripsian yang berpadu. Justeru, pengkaji akan meneliti terlebih dahulu beberapa konsep penting yang digunakan dalam kajian metafora haiwan ini.





1.7.1 Metafora

Metafora ialah gaya bahasa kiasan atau perbandingan yang membina maksud yang berbeza daripada makna biasa atau makna sebenar sesuatu kata atau frasa. Metafora biasanya diungkapkan dalam bentuk perbandingan atau kiasan. Sifat metafora adalah ringkas, padat, tersusun rapi dan terdiri daripada dua perkataan.

Za'ba (2002) mendefinisikan metafora sebagai peribahasa yang menyampaikan sesuatu makna dengan mengumpamakan atau mengiaskan kepada sesuatu perkara lain dan erti atau maknanya menjadi dua lapis. Menurut Tendahl dan Gibbs (2008) pula, “... *metaphor is at the nexus of mind and language*” yang menunjukkan bahawa metafora itu terletak pada rangkaian minda dan bahasa. Para sarjana di atas sealiran apabila mengaitkan minda dan bahasa dalam menginterpretasi metafora. Metafora Melayu dapat dibahagikan kepada beberapa jenis. Antaranya, seperti metafora yang dibina melalui perumpamaan atau perbandingan, analogi, simpulan bahasa, peribahasa, pepatah, bahasa kiasan dan sindiran, bidalan, tamsil ibarat, metonimi serta personifikasi.

Metafora berfungsi untuk melahirkan makna yang luar biasa dan bersifat abstrak (Hassan Ahmad, 2003). Menurut Lakoff dan Johnson (1980) “...*our ordinary conceptual system, in terms of which we think and act, is fundamentally metaphorical in nature*” yang bermaksud, metafora ialah satu sistem konseptual yang lazim, cara kita berfikir dan bertindak secara alamiah adalah bersifat metafora.





Asmah Haji Omar (2008) juga bersependapat dengan Za'ba (2002) yang menyatakan bahawa metafora ialah kiasan langsung dalam erti kata bahawa sesuatu perbuatan, kejadian atau sifat dikiaskan secara langsung kepada benda atau sifat benda tertentu di luar perbuatan, kejadian atau sifat yang diperkatakan. Dalam hal ini, metafora berbeza daripada peribahasa dan perumpamaan dengan kewujudan masing-masingnya sangat disedari oleh pengguna bahasa. Sesiapa sahaja boleh mencipta metaforanya sendiri, dan apabila metafora itu disukai, ia akan digunakan. Jika penggunaan diteruskan oleh orang lain, metafora berkenaan boleh menjadi sebahagian daripada bahasa sehari-hari. Metafora dalam pengertian sempit merupakan satu gaya bahasa (*figure of speech*) di samping berbagai-bagai gaya bahasa lain seperti metonimi, simili, polisemi, personifikasi dan sebagainya. Manakala, metafora dalam pengertian luas ialah terminologi utama yang mewakili semua jenis gaya bahasa.



Kövecses (2000) pula menyatakan bahawa “...*metaphors not only pervades the language people use about the emotions, but also that it is essential to the understanding of most aspect of the conceptualization of emotion and emotional experience*”. Berdasarkan penjelasan yang diberikan oleh Kövecses (2000) di atas, metafora bukan sahaja dianggap sebagai satu mekanisme kognitif untuk memahami entiti yang abstrak, tetapi juga boleh mengkonseptualisasikan emosi dan pengalaman yang berkaitan dengan emosi. Manakala, Harimurti Kridalaksana (2008) pula memberikan definisi metafora sebagai penggunaan kata atau ungkapan lain untuk objek atau konsep lain berdasarkan kias atau persamaan, misalnya “kaki gunung”, “kaki meja” berdasarkan kias pada kaki manusia. Sama ada sesuatu ungkapan tertentu termasuk dalam kategori ungkapan metafora atau tidak, ditentukan oleh cara pendefinisian makna ungkapan tersebut.





Dalam pemetaan struktur metafora, Luxemburg *et al.* (1989) yang dipetik oleh Kutha Ratna (2009) menggunakan empat istilah, iaitu pembandingan, pebandingan (memiliki kesamaan dengan penanda dan petanda), motif, dan kata perangkai. Dalam ayat “Anak itu bodoh seperti kerbau”, ujaran “anak itu” ialah pebandingan, dan “kerbau” ialah pembandingan, manakala “bodoh” merupakan motif, sedangkan “seperti” dianggap sebagai perangkai. Berbeza dengan perumpamaan, sering kali motif tidak disebutkan sehingga ayatnya berbunyi “Anak itu kerbau”. Dalam hubungan inilah motif harus dicari, di samping “bodoh” mungkin bererti penurut, kotor, lambat, gemuk, dan sebagainya. Apabila pebandingnya merupakan benda mati, sedangkan pembandingnya benda hidup, maka disebut gaya bahasa atau majas personifikasi, seperti “kaki meja”, “daun nyiur melambai-lambai”, “seperti telur di ujung tanduk” dan lain-lain.



membandingkan dua hal secara langsung, tetapi dalam bentuk singkat contohnya, “bunga bangsa”, “buaya darat”, “buah hati” dan “cinderamata”. Sebagai bentuk perbandingan langsung, metafora tidak mempergunakan kata “seperti, bak, bagai, bagaikan”, sehingga perkara pertama dihubungkan secara langsung dengan perkara kedua. Dalam sebuah metafora, dapat ditentukan makna dasar dari segi konotasinya sekarang, maka metafora itu masih hidup. Tetapi kalau kita tidak dapat menentukan konotasinya lagi, maka metafora itu sudah mati.

Contoh : “Perahu itu menggergaji ombak.”

“Mobilnya batuk-batuk sejak pagi tadi.”

“Pemuda-pemudi adalah bunga bangsa.”





Perkataan “menggergaji”, batuk-batuk, bunga dan bangsa masih hidup dengan erti aslinya. Oleh sebab itu, penyimpangan makna seperti terdapat dalam ayat-ayat di atas merupakan metafora hidup. Namun, proses penyimpangan seperti itu dapat memberikan pengaruh yang lebih lanjut dalam perubahan makna perkataan. Menurut Keraf kebanyakan perubahan makna perkataan bermula adalah disebabkan oleh penggunaan metafora.

Parera (2004) mengatakan bahawa salah satu unsur metafora adalah kemiripan dan kesamaan tanggapan pancaindera. Struktur utama metafora ialah topik yang dibicarakan, tema atau topik kedua dan titik kemiripan atau kesamaan. Hubungan antara topik atau tema bersifat objektif dan emotif. Berdasarkan pilihan tema yang dipakai oleh pengguna bahasa dan para penulis dalam pelbagai bahasa, pilihan tema oleh Ulmann (1966) dan Parera (2004) dibezakan oleh empat kategori, iaitu metafora bertema antropomorfik, metafora bertema haiwan, metafora bertema abstrak kepada konkrit dan metafora bertema sinestesia atau pertukaran tanggapan/persepsi indera.

Metafora bertema antropomorfik merupakan satu gejala semesta. Para pengguna bahasa ingin membandingkan kemiripan pengalaman dengan apa yang terdapat pada dirinya atau tubuh mereka sendiri. Contoh metafora antropomorfik ialah mulut botol, jantung kota dan bahu jalan.

Metafora bertema haiwan, biasanya digunakan oleh pengguna bahasa untuk menggambarkan satu keadaan atau kenyataan di alam sesuai dengan pengalaman pengguna bahasa. Metafora yang berkaitan dengan unsur haiwan cenderung digunakan kepada tanaman, misalnya kumis kucing, lidah buaya, kuping gajah.



Dalam metafora bertema haiwan diungkapkan oleh Parera (2004) bahawa manusia disamakan dengan sejumlah haiwan misalnya dengan anjing, babi, kerbau, singa, dan buaya, sehingga dalam bahasa Indonesia kita mengenal peribahasa “kerbau dicocok hidung”, “buaya darat”, dan ungkapan makian” anjing, lu”.

Metafora bertema abstrak kepada konkrit, adalah mengalihkan ungkapan-ungkapan yang abstrak kepada ungkapan yang lebih konkrit. Sering kali pengalihan ungkapan itu masih bersifat transparensi tetapi dalam beberapa kes penelusuran etimologi perlu dipertimbangkan untuk memenuhi metafora tertentu. Parera menyenaraikan contoh seperti “secepat kilat” iaitu satu kecepatan yang luar biasa, dan “moncong senjata” yang merujuk kepada hujung senjata.

berdasarkan pengalihan indera, pengalihan dari satu indera ke indera yang lain. Dalam ungkapan sehari-hari, orang sering mendengar ungkapan “enak didengar” untuk muzik walaupun makna enak selalu dikaitkan dengan indera rasa dan “sedap dipandang mata” merupakan pengalihan dari indera rasa ke indera penglihatan.

1.7.1.1 Bentuk-bentuk Umum Metafora

Terdapat lima bentuk umum metafora, iaitu metafora kreatif, eufemisme (kesantunan), konvensional (*klische*), dileksikalisasi dan bentuk ulangan. Contoh metafora kreatif (spontan dan inovatif) ialah “bahtera di padang pasir” merujuk kepada haiwan unta, “bunga tidur” merujuk kepada mimpi. Metafora bentuk eufemisme (kesantunan) dapat dilihat pada contoh metafora “usia senja” untuk orang usia lanjut, “kupu-kupu malam”



untuk perempuan yang bekerja sebagai pelacur. Metafora konvensional (*klische*) seperti “badai nasib”, dengan makna nasib seseorang yang terumbang-ambing, “anak emas” dengan makna anak yang sangat disayangi kerana mempunyai rupa dan sikap yang bagus.

Metafora yang telah dileksikalisasi pula seperti “leher botol”, “kaki meja”, “buah pinggang”. Bentuk-bentuk metafora seperti ini sudah tidak nampak lagi nilai metaforisnya kerana telah dileksikalisasi menjadi frasa biasa. Manakala metafora bentuk ulangan (perbandingan bentuk baharu yang diambil daripada ungkapan lama) seperti “jinak-jinak lalat” yang bermakna tidak terlalu jinak ialah bentuk baharu yang mengambil contoh ungkapan lama yang sudah dikenali dalam masyarakat iaitu “jinak-jinak merpati”.



1.7.1.2 Fungsi Umum Metafora

Metafora menjalankan enam fungsi umum, iaitu fungsi bahasa, heuristik, afektif-emosional, sosial, retorik atau manipulatif dan estetika. Fungsi bahasa ialah sarana untuk menghasilkan berbagai-bagai kombinasi makna yang berbeza dengan penggunaan bahasa terbatas. Fungsi predikatif pula sarana untuk merangkumkan berbagai-bagai ragam fenomena kehidupan melalui bentuk ungkapan metaforis berkonsep dan hubungan analogi. Metafora fungsi heuristik ialah sebagai sarana untuk menghuraikan berbagai-bagai macam makna yang memerlukan pentafsiran. Manakala metafora yang berfungsi afektif-emosional ialah sarana curahan pengalaman intuitif berbagai-bagai perasaan serta sarana penyampaian keadaan perasaan yang kompleks (melalui makna yang disampaikan dengan kiasan). Metafora fungsi sosial pula ialah





sarana pembentukan tradisi dan budaya yang sudah berakar umbi yang mencerminkan suatu bentuk sosialisasi bahasa. Seterusnya, metafora fungsi retorik atau manipulatif ialah sarana untuk mempengaruhi orang lain atau kelompok tertentu (dalam komunikasi umum dan argumentasi). Akhir sekali metafora fungsi estetika ialah sarana penyampaian kemampuan seni berbahasa dan mencakupi semua fungsi lain yang telah disebutkan di atas.

1.7.1.3 Jenis-jenis Metafora Linguistik

Cameron (2008) mendefinisikan metafora bahasa dengan merujuk kepada jenis metafora, iaitu metafora bahasa dan metafora linguistik. Metafora bahasa merujuk kepada ungkapan dalam bahasa yang mempunyai potensi untuk difahami secara metafora. Metafora linguistik pula dikenal pasti melalui penggunaan kata-kata atau frasa yang berpotensi mengandungi pautan ke domain kenderaan (atau sumber) yang berbeza daripada kawasan sekitarnya, pada ujaran akan datang (topik atau sasaran).

1.7.2 Metafora Haiwan

Haiwan adalah satu organisma hidup yang suapan terakhir organik, biasanya mempunyai khusus sistem saraf dan organ-organ deria dan mampu menyesuaikan diri dan bertindak balas terhadap rangsangan. Penggunaan metafora haiwan adalah untuk menambah atau mengisi kekosongan makna. Bercermin kepada kehidupan dan perangai haiwan, manusia meneroka metafora antara lain sebagai refleksi terhadap kesalahan diri sendiri atau rujukan kepada sifat orang lain.



Sekiranya kita tidak ingin mengatakan sesuatu secara langsung, kita boleh menggunakan metafora haiwan agar pembicaraan lebih selesa dan tidak terlalu serius. Metafora haiwan mencerminkan perbezaan dan persamaan antara sifat manusia dengan haiwan yang menjadi pembandingan atau simbol persamaan. Hubungan sosial yang tercermin melalui metafora haiwan dapat berupa hubungan antara manusia dengan haiwan, manusia dengan manusia mahupun manusia dalam kelompok masyarakat. Selain itu, penggunaan metafora haiwan adalah kerana kandungannya yang terkadang penuh kelakar, namun boleh membawa makna yang mendalam, terkadang puitis mahu pun ambivalen sehingga metafora haiwan memberikan kita banyak ruang interpretasi. Walaupun penggunaan metafora telah menjadi sebahagian daripada percakapan biasa, penggunaan metafora yang kurang umum masih menjadi ciri istimewa karya sastra yang bernilai tinggi yang membezakannya daripada bahasa biasa. Dalam puisi misalnya, kita boleh menggunakan metafora untuk membuat perbandingan maksud-maksud kiasan dan makna perasaan yang diasosiasikan dengan perumpamaan pada objek lain dalam konteks yang sama.

1.7.2.1 Fungsi Sosial Metafora Haiwan

Penggunaan metafora haiwan dapat memenuhi beberapa fungsi sosial, antaranya:

- i. Ungkapan Perasaan

Bahasa Jerman, sebagai contoh, ialah bahasa yang banyak menggunakan panggilan dengan nama haiwan seperti *Bärchen* (beruang kecil), *Mausi* atau *Mäuschen* (tikus kecil), *Hasi* atau *Häschen* (arnab kecil) kepada orang kesayangan. Panggilan seperti itu terdengar ganjil dan aneh jika digunakan dalam bahasa Melayu. Dalam bahasa Melayu ataupun Indonesia tidak



terdapat penggunaan metafora haiwan untuk menggambarkan hal positif dan hubungan mesra antara manusia secara langsung seperti dalam bahasa Jerman. Namun, ada penggunaan tertentu misalnya untuk menggambarkan kecantikan seseorang, metafora digunakan agar tidak memuji secara langsung, seperti “alisnya bagaikan semut beriring” dengan makna seseorang dengan bentuk bulu kening yang bagus, “dagunya bagaikan lebah bergantung” bermakna seseorang dengan dagu yang elok. Sebaliknya, dalam pergaulan sehari-hari masyarakat Melayu, nama haiwan sering kali digunakan untuk menghina seseorang. Misalnya, seorang yang berbadan gemuk mendapat gelaran “si gajah” atau orang yang kurus dan tinggi di Indonesia disamakan dengan “si zirafah”.



Metafora haiwan mencerminkan nilai yang wujud dalam masyarakat. Melalui perbandingan dengan sifat haiwan, manusia cenderung secara tidak langsung menilai orang lain sebagai kritikan yang membangun. Misalnya, jika seseorang mendapat gelaran “badak sumbu” ia dikatakan berperangai tidak senonoh atau tidak sesuai dengan kebiasaan dalam masyarakat sekitarnya.

1.7.2.2 Jenis Pembentukan Metafora Haiwan

Terdapat tiga jenis pembentukan metafora iaitu metafora bentukan langsung, yang terdapat perilaku, sifat dan karakter haiwan, metafora bentukan tidak langsung atau bauran, yang terdapat perilaku dan karakter haiwan yang bercampur dengan pendapat





atau fantasi manusia, dan bentukan arbitrari, yang tidak terdapat kaitan antara haiwan perbandingan dengan makna metaforanya.

Metafora bentukan langsung merujuk kepada pengamatan manusia terhadap haiwan menghasilkan ciri-ciri haiwan yang dapat dikenali manusia secara langsung. Ciri-ciri tersebut biasanya berupa tanda fizikal kewujudan haiwan seperti bentuk tubuh, ukuran tubuh, cara bergerak, kebiasaan, kecepatan gerak dan lain-lain. Bahagian tubuh haiwan dalam metafora merupakan kiasan kepada bahagian tubuh manusia yang mendeskripsikan keseluruhan bentuk tubuh manusia seperti ungkapan “kaki gajah” untuk orang yang sangat gemuk, “mata helang” untuk orang yang berpenglihatan tajam dan lain-lain.



tentang perilaku dan watak haiwan di satu negara boleh tidak sama dengan penilaian di negara lain sehingga dapat menyebabkan penerokaan metafora yang berbeza walaupun haiwan perbandingnya sama. Perilaku dan sifat haiwan yang dinilai bermaksud manusia ialah sifat yang muncul melalui naluri haiwan yang dapat diamati manusia di samping kewujudan lahiriahnya. Perilaku semua haiwan sama, baik di Indonesia mahupun di Malaysia seperti kicauan burung, gaya terbang burung, lompatan harimau dan lain-lain, tetapi manusia menginterpretasikan perilaku tersebut secara berbeza sesuai dengan pengamatan masing-masing. Contoh metafora haiwan badak yang mengalami perubahan makna: “kulit badak” secara denotatif bermakna kulit pada badak, tetapi setelah mengalami proses metafora ungkapan tersebut mendapat makna lain. Tanda semantik (+tebal) pada badak merubah kewujudan luaran menjadi perilaku yang dikiaskan pada perilaku manusia.



Kulit badak (kulit pada badak) = denotatif



Proses metafora

“Kulit badak”: orang yang tak tahu malu= konotatif

Sesebuah metafora dapat langsung digunakan sebagai kata ganti nama untuk menggambarkan watak orang lain seperti ungkapan “kulit badak” sebagai gelaran untuk seseorang yang tak kenal malu. Ungkapan tersebut diteroka manusia berdasarkan penilaian terhadap haiwan seperti badak yang dikenali kerana kewujudannya dengan kulit yang tebal.

Seterusnya, metafora bentukan arbitrari, diteroka berdasarkan pendapat manusia bahkan fantasi manusia yang menghubungkan haiwan dengan sesuatu hal. Fantasi tersebut lazimnya diasaskan pada legenda, dongeng bahkan ramalan bintang atau horoskop. Pembentukan seperti ini berunsur metalinguis. Pada metafora bentukan arbitrari, kewujudan ataupun perilaku haiwan digunakan untuk kiasan kepada perangai manusia “ibu ayam” atau “bapa ayam” dikiasan kepada seseorang yang menyelenggarakan kegiatan pelacuran. Tidak dapat dijelaskan mengapa orang meneroka metafora dengan haiwan ayam sebagai pembanding untuk mengiaskan kegiatan pelacuran dan bukan haiwan lain.

1.7.3 Budaya

Menurut Koentjaraningrat (2000) kebudayaan dengan kata dasar budaya berasal dari bahasa Sanskrit ” buddhayah ” iaitu bentuk jamak dari buddhi yang bererti “budi” atau “akal”. Jadi Koentjaraningrat mendefinisikan budaya sebagai “daya budi” yang berupa



cipta, karsa dan rasa, sedangkan kebudayaan adalah hasil dari cipta, karsa, dan rasa itu. Koentjaraningrat menerangkan bahwa pada dasarnya banyak yang membezakan antara budaya dan kebudayaan, di mana budaya merupakan perkembangan majmuk budi daya, yang bererti daya dari budi. Pada kajian Antropologi, budaya dianggap merupakan singkatan dari kebudayaan yang tidak ada perbezaan dari definisi. Jadi kebudayaan atau disingkatkan kepada budaya, menurut Koentjaraningrat merupakan keseluruhan sistem gagasan, tindakan dan hasil karya manusia dalam rangka kehidupan masyarakat yang dijadikan milik diri manusia dengan proses pembelajaran.

Menurut Liliweri (2002) kebudayaan merupakan pandangan hidup dari sekelompok orang dalam bentuk perilaku, kepercayaan, nilai, dan simbol-simbol yang mereka terima tanpa sadar yang semuanya diwariskan melalui proses komunikasi dari satu generasi ke generasi berikutnya. Lebih lanjut, Taylor dalam Liliweri (2002) mendefinisikan kebudayaan tersusun oleh kategori-kategori kesamaan gejala umum yang disebut adat istiadat yang mencakup teknologi, pengetahuan, kepercayaan, kesenian, moral, hukum, estetika, rekreasional dan kemampuan-kemampuan serta kebiasaan-kebiasaan yang didapatkan manusia sebagai anggota masyarakat. Dengan kata lain, kebudayaan mencakup semua yang didapatkan atau dipelajari oleh manusia sebagai anggota masyarakat.

Budaya adalah sistem (dari pola-pola tingkah laku yang diturunkan secara sosial) yang bekerja menghubungkan komunitas manusia dengan lingkungan ekologi mereka. Dalam "cara-hidup-komuniti" ini termasuklah teknologi dan bentuk organisasi ekonomi, pola-pola menetap, bentuk pengelompokan sosial dan organisasi politik, kepercayaan dan praktik keagamaan, dan seterusnya. Bila budaya dipandang secara





luas sebagai sistem tingkah laku yang khas dari suatu penduduk, satu penyambung dan penyelarasan kondisi- kondisi badaniah manusia, maka perbedaan pandangan mengenai budaya sebagai pola -pola dari (*pattern -of*) atau pola-pola untuk (*pattern -for*) adalah soal kedua. Budaya adalah semua cara yang bentuknya tidak langsung berada di bawah kawalan genetik yang bekerja untuk menyesuaikan individu dan kelompok ke dalam komuniti ekologi mereka (Binford 1969; dalam Keesing, 1974).

Konsep budaya turun jadi pola tingkah laku yang terikat kepada kelompok-kelompok tertentu, iaitu menjadi "adat istiadat" (*customs*) atau "cara kehidupan" (*way of life*) manusia (Harris 1968, Keesing, 1974). Perubahan budaya pada dasarnya adalah suatu proses adaptasi dan maksudnya sama dengan seleksi alam. Manusia adalah haiwan, dan seperti semua haiwan-haiwan lain, harus menjalankan satu hubungan adaptif dengan lingkungannya dalam rangka untuk tetap dapat hidup. Meskipun manusia dapat melakukan adaptasi ini secara prinsipal melalui alat budaya, namun prosesnya dipandu oleh aturan-aturan seleksi alam seperti yang mengatur adaptasi biologi (Meggers, 1954). Dilihat sebagai sistem adaptif, budaya berubah ke arah keseimbangan ekosistem. Namun, kalau keseimbangan itu diganggu oleh perubahan lingkungan, kependudukan, teknologi atau perubahan sistemik yang lain, maka perubahan yang terjadi sebagai penyesuaian lebih lanjut akan muncul melalui sistem kebudayaan. Oleh itu, mekanisme umpan balik dalam sistem kebudayaan mungkin bekerja secara negatif (ke arah *self correction* dan keseimbangan) atau secara positif (ke arah ketidakseimbangan dan perubahan arah).



Budaya dipandang sebagai sistem pengetahuan. Menurut Ward Goodenough (1969) “Kebudayaan sesuatu masyarakat terdiri atas segala sesuatu yang harus diketahui atau dipercayai seseorang agar dia dapat berperilaku dalam cara yang dapat diterima oleh anggota-anggota masyarakat tersebut. Budaya bukanlah suatu fenomena material, ia tidak berdiri atas benda-benda, manusia, tingkah laku atau emosi-emosi. Budaya lebih merupakan organisasi dari hal-hal tersebut. Budaya adalah bentuk hal-hal yang ada dalam fikiran (*mind*) manusia, model-model yang dipunyai manusia untuk menerima, menghubungkan, dan kemudian menafsirkan fenomena material di atas.

1.7.3.1 Unsur-unsur Kebudayaan

Menurut Koentjaraningrat (1993) istilah universal menunjukkan bahawa unsur-unsur kebudayaan bersifat universal dan dapat ditemukan dalam kebudayaan semua bangsa yang tersebar di berbagai penjuru dunia. Berikut disenaraikan tujuh unsur kebudayaan yang utama dalam kebudayaan semua bangsa.

i. Sistem Bahasa

Bahasa merupakan sarana bagi manusia untuk memenuhi keperluan sosialnya untuk berinteraksi atau berhubungan dengan sesamanya. Dalam ilmu antropologi, kajian mengenai bahasa disebut dengan istilah antropologi linguistik. Menurut Keesing (1987) kemampuan manusia dalam membangun tradisi budaya, menciptakan pemahaman tentang fenomena sosial yang diungkapkan secara simbolik, dan mewariskannya kepada generasi penerusnya sangat bergantung kepada bahasa. Oleh itu, bahasa menduduki tatatingkat yang penting dalam analisa kebudayaan manusia.



ii. Sistem Pengetahuan

Sistem pengetahuan dalam kebudayaan universal berkaitan dengan sistem peralatan hidup dan teknologi kerana sistem pengetahuan bersifat abstrak dan wujud dalam idea manusia. Sistem pengetahuan sangat luas batasannya kerana mencakupi pengetahuan manusia tentang berbagai unsur yang digunakan dalam kehidupannya. Banyak suku bangsa yang tidak dapat bertahan hidup apabila mereka tidak mengetahui dengan teliti pada musim-musim apakah pelbagai jenis ikan pindah ke hulu sungai. Selain itu, manusia tidak dapat membuat alat-alat tertentu apabila tidak mengetahui dengan teliti ciri-ciri bahan mentah yang mereka gunakan untuk membuat peralatan yang dihajati. Setiap kebudayaan mempunyai suatu himpunan pengetahuan tentang alam, tumbuh-tumbuhan, haiwan, benda, dan manusia yang ada di



iii. Sistem Sosial

Unsur budaya adalah sistem kekerabatan dan organisasi sosial yang merupakan usaha antropologi untuk memahami bagaimana manusia membentuk masyarakat melalui berbagai kelompok sosial. Menurut Koentjaraningrat (1974) setiap kelompok masyarakat kehidupannya diatur oleh adat istiadat dan aturan-aturan mengenai berbagai macam kesatuan di dalam lingkungan di mana dia hidup dan bergaul dari hari ke hari. Kesatuan sosial yang paling dekat dan dasar adalah kerabatnya, iaitu keluarga inti yang dekat dan kerabat yang lain. Selanjutnya, manusia akan digolongkan ke dalam tatatingkat lokasi geografi untuk membentuk organisasi sosial dalam kehidupannya.





iv. **Sistem Peralatan Hidup dan Teknologi**

Manusia selalu berusaha untuk mempertahankan hidupnya sehingga mereka akan selalu membuat peralatan atau benda-benda tersebut. Perhatian awal para antropologi dalam memahami kebudayaan manusia berdasarkan unsur teknologi yang dipakai suatu masyarakat berupa benda-benda yang dijadikan sebagai peralatan hidup dengan bentuk dan teknologi yang masih sederhana. Dengan demikian, perbahasan tentang unsur kebudayaan yang termasuk dalam peralatan hidup dan teknologi merupakan perbahasan kebudayaan fizikal.

v. **Sistem Mata Pencarian Hidup**



Mata pencarian atau aktiviti ekonomi sesuatu masyarakat menjadi fokus kajian penting etnografi. Penelitian etnografi mengenai sistem mata pencarian mengkaji bagaimana cara mata pencarian suatu kelompok masyarakat atau sistem perekonomian mereka untuk mencukupi keperluan hidupnya.

vi. **Sistem Agama**

Permulaan permasalahan fungsi agama dalam masyarakat adalah adanya pertanyaan mengapa manusia percaya kepada adanya suatu kekuasaan ghaib atau supranatural yang dianggap lebih tinggi daripada manusia dan mengapa manusia itu melakukan berbagai-bagai cara untuk berkomunikasi dan





mencari hubungan-hubungan dengan kekuatan-kekuatan supranatural tersebut. Dalam usaha untuk memecahkan pertanyaan dasar yang menjadi penyebab lahirnya asal mula isu keagamaan tersebut, para ilmuwan sosial beranggapan bahawa agama suku-suku bangsa di luar Eropah adalah sisa dari bentuk-bentuk agama kuno yang dianuti oleh seluruh umat manusia pada zaman dahulu ketika kebudayaan mereka masih primitif.

vii. Kesenian

Perhatian ahli antropologi mengenai seni bermula dari penelitian etnografi mengenai aktivi kesenian suatu masyarakat tradisional. Deskripsi yang dikumpulkan dalam penelitian tersebut berisi mengenai benda-benda atau



artifak yang memuatkan unsur seni, seperti patung, ukiran, dan hiasan.

Penulisan etnografi awal tentang unsur seni pada kebudayaan manusia lebih mengarah kepada teknik-teknik dan proses pembuatan benda seni. Selain itu, deskripsi etnografi awal tersebut juga meneliti perkembangan seni muzik, seni tari, dan seni drama dalam suatu masyarakat.

1.7.3.2 Bahasa Merentas Budaya

Hubungan antara bahasa dan kebudayaan, mendapat reaksi banyak sarjana. Di sini dipetik beberapa kenyataan sarjana tentang konsep bahasa dan kebudayaan. Dell Hymes (1966) dalam Ibrahim (1994) mengatakan, “.... orang yang mengalami kebudayaan berbeza memiliki pengalaman sistem komunikatif yang berbeza. Nilai-nilai kebudayaan merupakan bagian dari relativitas linguistik”.





Leslie White dan Beth Dillingham dalam bukunya *The Concept of Culture* (1973) mengatakan, “Bahasa merupakan bagian dari kebudayaan, linguistik merupakan bahagian dari kulturologi.” Manakala, Sutan Takdir Alisyahbana (1979) berpendapat, “Tidak ada yang lebih jelas dan teliti mencerminkan kebudayaan suatu bangsa daripada bahasanya. Bahasa secara sempurna menjelmakan kebudayaan masyarakat penuturnya. Oleh itu, Alessandro Duranti (1997) dalam bukunya *Linguistic Anthropology* berpendapat, “.... mendeskripsikan suatu budaya sama halnya dengan mendeskripsikan bahasa”.

Selain itu, Edward Sapir dan Benjamin Lee Whorf (dalam Malmkjaer dan Anderson, 1991) mengemukakan pandangan mereka yang disebut dengan *Sapir-Whorf Hypothesis*, “Bahasa tidak hanya menentukan kebudayaan tetapi juga menentukan jalan fikiran penuturnya”. Justeru, menurut Anna Wierzbicka (1991) perbezaan budaya berimplikasi pada perbezaan cara berinteraksi.

Komunikasi silang budaya melihat bagaimana manusia dari berbeza latar belakang budaya, berusaha untuk berkomunikasi, walaupun ia lebih kerap dirujuk sebagai komunikasi antara budaya. Teori-teori utama untuk komunikasi antara budaya adalah berdasarkan pemerhatian perbezaan nilai atau dimensi berbeza antara budaya. Komunikasi antara budaya secara langsung berkaitan dengan antropologi sosio-budaya dan kajian holistik kemanusiaan. Ahli-ahli antropologi mengatakan bahawa budaya dan bidang komunikasi merujuk kepada proses bertukar-tukar maklumat, biasanya melalui sistem simbol yang sama. Aktiviti persefahaman dan simbol menyesuaikan diri boleh ditakrifkan sebagai "amalan budaya," kerana amalan budaya terdiri daripada cara orang melakukan perkara-perkara yang berbeza dalam budaya yang diberikan. Ini "amalan budaya" secara langsung dikaitkan dengan pengetahuan dan "pengetahuan dunia," dan





dari seiring ini senarai berkesudahan pemboleh ubah dan konteks campur tangan dan menentukan tahap kefahaman dan, akibatnya, komunikasi antara budaya.

Tahap pengetahuan yang terlibat membenarkan tahap yang lebih besar atau lebih kecil daripada interaksi dan, sebagai akibatnya, komunikasi antara orang-orang yang membentuk budaya yang berbeza. Pengetahuan dan komunikasi adalah dua parameter yang hakiki, semakin tinggi tahap pengetahuan, lebih besar tahap komunikasi, tetapi, pada masa yang sama, dari sudut yang berbeza, lebih besar komunikasi, semakin bertambah ilmu. Dalam erti kata lain, komunikasi membolehkan kita untuk memecahkan banyak aspek yang campur tangan dalam tamadun yang berbeza.



Kesan budaya, termasuk dalam komunikasi antara budaya telah memberi kesan mendalam dalam bidang akademik, politik, institusi dan profesional. Sebagai contoh, andaian budaya adalah kesan yang besar kepada syarikat-syarikat komersial atau organisasi dan budaya korporat atau kerja semakin diberi tumpuan dalam penyelidikan sejak dua dekad yang lalu. Pada mulanya istilah ini digunakan untuk menggambarkan amalan kepimpinan ditakrifkan budaya dari segi simbol, slogan, wira, upacara dan ritual (Trompenaars, 1998). Strategik pembangunan, produktiviti, dan pelbagai kemahiran dan kebolehan di semua peringkat bergantung bukan sahaja kepada mentafsir dan memahami tetapi juga kepada "mengamalkan" budaya organisasi. Walau bagaimanapun, ia telah beransur-ansur menjadi satu rangka kerja disiplin yang sama, budaya organisasi adalah salah satu daripada pelbagai bidang ilmu yang menghampiri aspek yang campur tangan dalam budaya, tetapi tidak sendiri adalah intipati budaya.





Menurut Gudykunst et al. (1995) berkomunikasi dengan orang lain membayangkan tahap tertentu ramalan dan jangkaan jawapan mereka. Tahap-tahap ini berbeza dengan tahap pengetahuan teman bicara itu. Walau bagaimanapun, ramalan adalah berdasarkan kepada maklumat yang datang daripada sumber-sumber yang berbeza. Di tempat yang pertama, ia datang dari pengetahuan budaya yang mungkin satu-satunya maklumat yang ada semasa menjalin komunikasi dengan individu atau kumpulan.

1.7.4 Makna Figuratif (Makna Kiasan)

Makna kiasan (*figurative meaning, tranfered meaning*) adalah penggunaan leksem dengan makna yang tidak sebenarnya. Sebagai contoh frasa “mahkota wanita” tidak dimaknai sebagai sebuah benda yang dipakai seorang wanita di atas kepalanya yang merupakan lambang kekuasaan seorang pemimpin dan berhiaskan emas atau permata, namun frasa ini dimaknai sebagai “rambut wanita”. Selain itu, makna kiasan terdapat pula pada peribahasa atau perumpamaan. Misalnya, sekali merengkuh dayung, dua tiga pulau terlampaui. Makna figuratif muncul dari bahasa figuratif (*figurative language*) atau bahasa kiasan. Bahasa figuratif atau kiasan merupakan penyimpangan dari bahasa yang digunakan sehari-hari, penyimpangan dari bahasa baku atau standar, penyimpangan makna, dan penyimpangan susunan (rangkaian) kata-kata supaya memperoleh efek tertentu atau makna khusus (Abrams, 1981).





Bahasa figuratif sebenarnya adalah gaya bahasa kiasan. Menurut Altenbernd yang dipetik oleh Pradopo (1994) membezakan bahasa kiasan dan sarana retorik (*rethorical device*). Seperti pendapat Altenbernd, Abrams (1981) juga mengelompokkan gaya bahasa kiasan dan sarana retorik ke dalam bahasa figuratif. Menurutnya, bahasa figuratif sebenarnya merupakan bahasa penyimpangan dari bahasa sehari-hari atau dari bahasa standar untuk memperoleh kesan tertentu.

Bahasa kiasan atau *figure of speech* atau oleh Kridalaksana disebut sebagai *figure of rhetoric* atau *rhetorical figure* iaitu alat untuk memperluas makna kata atau kelompok kata untuk memperoleh kesan tertentu dengan membandingkan atau membahagi serta mengasosiasikan dua hal. Menurut Abrams (1981) lagi, bahasa figuratif (*figuratif language*) adalah penyimpangan penggunaan bahasa oleh penutur dari pemahaman bahasa yang dipakai sehari-hari (*ordinary*), penyimpangan dari bahasa standard, atau penyimpangan makna kata, suatu penyimpangan rangkaian kata supaya memperoleh beberapa erti khusus.

Bahasa kias atau figuratif menurut Abrams (1981) terdiri atas simile (perbandingan), metafora, metonimi, sinekdoke, dan personifikasi. Sementara itu Pradopo (1994) membagi bahasa kias ke dalam tujuh jenis, iaitu perbandingan, metafora, perumpamaan, epos, personifikasi, metonimi, dan alegori. Artikel ini hanya membahas dua dari tujuh bahasa kias di atas iaitu metafora dan metonimi.





1.8 Batasan Kajian

Kajian ini hanya terhad kepada penggunaan metafora haiwan merentasi budaya bahasa Melayu dan bahasa Uzbek. Setelah membuat pengisian data, hanya lima haiwan sahaja dipilih iaitu ayam, anjing, kambing, ikan dan ular. Terdapat beberapa sebab pemilihan haiwan ini dijadikan sebagai data kajian, iaitu;

- i. Setelah menggunakan Kamus Dewan (2007) dan Kamus O'zbek Xalq Maqollari (2013), terdapat 80 peribahasa haiwan (Uzbek) dan 80 peribahasa Malaysia yang sama digunakan sebagai perlambangan metafora yang menyerlahkan elemen budaya. Namun, pengklasifikasian yang lebih terperinci dan khusus dilakukan berdasarkan kategori makna bagi mengenal pasti pewajaran pemilihan haiwan tersebut bukan sewenang-wenangnya tetapi sebaliknya memiliki rasional tertentu misalnya haiwan yang dipilih memiliki nilai yang penting dalam menyerlahkan elemen budaya yang bersamaan mahupun berbeza bagi kedua-dua negara.
- ii. Sebagai perincian yang spesifik dalam penghuraian akademik, seharusnya haiwan tertentu dikaji secara terhad bagi membolehkan pengkajian yang lebih mendalam dan berpada.
- iii. Dalam perspektif kajian metafora haiwan di dunia, tidak banyak kajian yang meneliti metafora haiwan dalam kedua-dua negara ini.





1.9 Kesimpulan

Penyelidikan berkaitan dengan isu metafora haiwan dalam dua budaya iaitu budaya Melayu dan Uzbekistan perlu diteliti dan diterokai dengan lebih saintifik agar proses tersebut dapat difahami dengan lebih mendalam. Kajian ini dapat menambah kosa ilmu dalam bidang semantik kognitif. Kajian metafora haiwan mengungkapkan nilai-nilai dan idea dalam masyarakat penutur suatu bahasa dan memberikan petunjuk tentang struktur sosial dan cara berfikir masyarakat tersebut. Metafora haiwan mengungkapkan tiga hubungan sosial iaitu, hubungan antara manusia dengan haiwan, manusia dengan manusia dan juga manusia dengan masyarakat. Metafora haiwan mempunyai fungsi sosial dalam masyarakat sebagai sarana untuk mempertahankan tradisi melalui ungkapan yang bijaksana dan adaptasi sosial dalam bentuk ungkapan perasaan.

